

♥10/08/20-05MST

CNS3J.98

R GB 10-08 00162 BH508

bah

MALAYSIA PERLU BANYAK TENAGA MAHIR

Mahathir - mahir

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Malaysia memerlukan sebanyak mungkin tenaga mahir dalam bidang-bidang berteknologi tinggi untuk menjadi negara perindustrian menjelang tahun 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk mencapai wawasan itu, persiapan dalam strategi perlu dibuat bagi meningkatkan kemahiran dan mutu tenaga manusia negara, kata Perdana Menteri dalam buku cenderamata sempena Majlis Penyampaian Anugerah Tangan Emas Johan Kemahiran Kebangsaan 1992 di Maktab Perguruan Teknik di sini hari ini.

Beliau berkata, program johan kemahiran kebangsaan itu merupakan satu usaha baik ke arah pencapaian Wawasan 2020.

+Kejohanan kemahiran kebangsaan ini hendaklah dipertingkatkan dan diperluaskan lagi dengan melibatkan lebih ramai pihak terutama sektor swasta yang mempunyai banyak kepakaran dalam bidang industri masing-masing,+ katanya.

Dr Mahathir menyampaikan anugerah tangan emas pada majlis itu.

Menteri Kerjaraya, Datuk Leo Moggie pula berkata, pertandingan itu dapat meningkatkan kualiti pekerja mahir dalam bidang masing-masing.-- Lagi

♥10/08/19-41MST

CNS3200

R GB 10-08 00280 BH509

bah

Mahathir - mahir 2 Kuala Lumpur

Pertandingan yang dimulakan sejak tiga tahun lepas itu bertujuan menguji kebolehan pekerja mahir dari institusi latihan kerajaan dan agensi berkaitan serta swasta.

Kemahiran yang diuji dalam bidang industri binaan pada tahun 1990 itu telah diperluaskan meliputi industri pembuatan pada tahun lepas.

Sebanyak 14 jenis bidang kemahiran dipertandingan tahun ini dan setiap bidang dibahagikan kepada dua kategori iaitu terbuka yang menawarkan hadiah wang \$5,000 dan anugerah (piala) tangp n emas bagi johan, \$4,000 (naib johan) dan \$3,000 (tempat ketiga) serta junior yang menawarkan hadiah \$2,000 dan anugerah tangan emas bagi johan, \$1,000 (naib johan) dan \$500 (tempat ketiga)

Para pemenang anugerah tangan emas ialah: Rubiah Yunus dari Dian Training Centre dan Noor Hatini Ismail dari ITM Jasin, masing-masing untuk kategori terbuka dan junior dalam bidang kemahiran pembuatan pakaian wanita, Zulkifli Hashim (pembuat perabot - junior), kategori terbuka kemahiran ini - tiada pemenang;

Ahmad Johari Musa dan Md Rizal Sudin (tukang kayu dan tanggam - terbuka dan junior), tiada pemenang pertama untuk tukang plaster, Ismail Ibrahim dari Jabatan Tenaga Rakyat dan Mohamad Rosli Zakaria dari SMV Kuala Lipis (penerap bata - terbuka dan junior), Ismail Ahmad dari Mara dan Thian Fatt Fook dari Pusat Latihan Pembangunan Belia Kuching (tukang paip - terbuka dan junior) ;

Wong Yeing Kong dari Ken Bina dan Raja Daud Raja Deraman (pemasangan jubin - terbuka dan junior), R. Raj Murthi dari Hotel Melia dan Sharifuddin Zakaria dari IKBN Terengganu (juruelektrik - terbuka dan junior), Mazelan Ratimin dari Toshiba Electric dan Rahmat Ahmad Rafai dari IKM Johor Baharu IKM Johor Baharu (pemesin am - terbuka dan junior); -- Lagi

♥10/08/19-43MST

CNS3243

R GB 10-08 00193 BH510

bah

Mahathir - Mahir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mohamad Saat Pawi (mekanik am - terbuka) - tiada pemenang pertama kategori junior kemahiran ini, Azizan Hassan dari LPN dan Nazrudin Md Said (tukang kimpalarka-terbuka dan junior), Asrol Hisham Said dari SMV Kelang (mekanik radio dan tv-junior) - tiada pemenang pertama kategori terbuka kemahiran ini;

Ali Nordin Ismail dari MARA dan Mohamad Kamal Ahmad dari IKM Kuala Lumpur (mekanik peralatan elektronik industri-terbuka dan junior), Chong Kin Hoong dari Tan Chong and Sons Motor dan Mohamad Nasir Haji Alias dari IKM Jasin (mekanik kenderaan motor-terbuka dan junior).

Untuk acara kumpulan pula Pasukan MBF-Peugeot Sdn Bhd menjadi johan kemahiran mekanik kenderaan motor dan Sungai Way Construction Sdn Bhd untuk kemahiran binaan, (masing-masing memenangi hadiah wang dan plaka) sementara Majlis Latihan Nokasional Kebangsaan memenangi hadiah gerai pemeran terbaik.

Sebanyak 767 peserta iaitu 643 untuk kategori terbuka dan 124 untuk kategori junior, menyertai pertandingan tiga hari itu yang bertujuan memilih dan mengiktiraf pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran ketukangan yang unggul.

Perdana Menteri menghabiskan masa yang agak lama melawat semua hasil kerja pertandingan sebelum berlepas pulang. -- Bernama

▼10/08/21-04MST